

Dua juruwang dipenjara enam minggu kerana mencuri

KUCHING: Dua juruwang di sebuah pasar raya di Petra Jaya masing-masing dipenjara enam minggu kerana mencuri pelbagai makanan ringan, Panadol dan tisu.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Mas Faezah Anis Akawi, 29, dan Ariffah Syawatie Man, 21, berikutan pengakuan bersalah mereka terhadap tiga pertuduhan tersebut.

Mereka dijatuhi hukuman penjara dua minggu bagi setiap pertuduhan, dengan hukuman berjalan serentak bermula semalam.

Ketiga-tiga pertuduhan itu difaikkan mengikut Seksyen 381 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun yang sama, membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda.

Mas dan Ariffah melakukan kesalahan itu di pasar raya tersebut pada 15, 16 dan 17 Oktober lalu.

Berdasarkan fakta kes, seorang penyelia keselamatan pasar raya itu menerima laporan e-mel pada 18 Oktober, mendakwa salah

lakudua juruwang berkenaan, Mas dan Ariffah.

Pemeriksaan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) bertarikh 15 Oktober menunjukkan kedua-dua mereka meletakkan barang di bawah kaunter dan kemudian memasukkannya ke dalam beg untuk pelanggan yang mereka kenali tanpa mengimbas mana-mana barang.

Pada 16 Oktober, rakaman menunjukkan Mas mengulangi perkara tersebut, mengimbas hanya tiga daripada tujuh item dalam transaksinya.

Pada 17 Oktober lepas, satu lagi rakaman menunjukkan Ariffah melakukan amalan sama iaitu gagal mengimbas dua item, tanpa sebarang transaksi atau pembayaran direkodkan.

Jumlah kerugian ialah RM98.90.

Laporan polis telah dibuat dan kedua-dua wanita itu ditahan pada 19 Oktober 2024.

Pendakwaan kes oleh ASP Arman Ibrahim manakala Mas dan Ariffah tidak diwakili peguam.